

# PEMAKLUMAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.20/2023 yang telah diadakan pada 27 November 2023 telah meluluskan cadangan penambahbaikan Skim Kemudahan Perubatan Staf UTM (Pindaan 2024) berkuatkuasa pada **01 Januari 2024**.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :**

**Unit Perubatan & Kemudahan Staf,**  
Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Jabatan Pendaftar,  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
Johor Bahru, Johor

 **07 553 0130**    **011 7228 6281**    **perubatan@utm.my**



**AMALKAN**  
*Gaya Hidup Sihat*  
**SEPANJANG HAYAT**



# Buku Panduan **KEMUDAHAN** **PERUBATAN STAF**

**Pindaan 2024**

Berkuatkuasa 01 Januari 2024



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **ISI KANDUNGAN**

PENDAHULUAN.....	2
TUJUAN.....	2
BAHAGIAN A: TAFSIRAN.....	2
BAHAGIAN B: PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI.....	6
BAHAGIAN C: KLINIK PANEL UNIVERSITI.....	10
BAHAGIAN D: HOSPITAL KERAJAAN.....	14
BAHAGIAN E: HOSPITAL SWASTA.....	17
BAHAGIAN F: RAWATAN DIALISIS/CAPD.....	19
BAHAGIAN G: INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJNSB).....	21
BAHAGIAN H: HOSPITAL MATA TUN HUSSEIN ONN.....	22
BAHAGIAN I: LEMBAGA PENDUDUK DAN PERANCANGAN KELUARGA NEGARA (LPPKN).....	23
BAHAGIAN J: RAWATAN LUAR NEGARA.....	24
BAHAGIAN K: RAWATAN PERGIGIAN.....	26
BAHAGIAN L: PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI STAF YANG BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGARA.....	27
BAHAGIAN M: KEMUDAHAN PEMBIAYAAN CERMIN MATA.....	28
BAHAGIAN N : PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM.....	29
BAHAGIAN O: PELBAGAI.....	30
APPENDIX.....	33

# **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

## **PENDAHULUAN**

Skim Perkhidmatan Perubatan Staf kali terakhir dikemaskini dan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan oleh Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia pada 4 Januari 2000 mengikut Seksyen 4(1)(t) Perlumbagaan Universiti Teknologi Malaysia. Skim ini telah dikemaskini dan ditambahbaik semula pada tahun 2023 dan berkuat kuasa pada 01 Januari 2024.

## **TUJUAN**

Skim Perkhidmatan Perubatan staf bertujuan menetapkan dan menerangkan segala peraturan dan peruntukan faedah serta pentadbirannya bagi staf Universiti. Ia berkuat kuasa kepada semua pesara (Skim Pencen dan KWSP) dan staf yang layak menerima skim ini mengikut syarat-syarat pelantikan dan tanggungan mereka.

## **BAHAGIAN A : TAFSIRAN**

### **1.0 TAFSIRAN**

#### **1.1 Anak bermaksud;**

- Anak kandung; atau
- Anak angkat yang sah dari segi undang-undang:

- Diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pesuruhjaya sumpah; atau
- Diperakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah sekiranya anak tersebut diambil dari individu

#### **Had Kelayakan:**

- a. Dibawah lapan belas (18) tahun; atau
- b. Sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun; atau
- c. Anak yang sedang menuntut sepenuh masa sehingga ke di peringkat ijazah pertama layak mendapat kemudahan rawatan klinik panel dan Pusat Kesihatan Universiti dan Pergigian sahaja dengan syarat tidak melebihi umur dua puluh empat (24) tahun; dan belum berkahwin.
- d. Had-had umur tidak akan terpakai bagi anak istimewa dan didaftarkan sebagai tanggungan di dalam sistem UTMHR dan HRMIS melalui PSM PTJ masing-masing

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

- 1.2 **Anak istimewa** bermaksud anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau kelemahan jasmani secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu cacat otak atau hilang upaya sebelum mencapai umur 21 tahun dan diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan belum berkahwin
- 1.3 **Anak tiri** bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil perkahwinan terdahulu atau ditafsirkan sebagai anak suami hasil perkahwinan dengan wanita lain
- 1.4 **Balu** bermaksud isteri yang kematian suami di mana suami itu merupakan pegawai atau pesara UTM, dan selagi tidak berkahwin semula, atau suami yang kematian isteri di mana isteri itu merupakan pegawai atau pesara, dan selagi tidak berkahwin semula
- 1.5 **Doktor Panel** bermaksud doktor yang bertugas di klinik panel Universiti atau Pusat Kesihatan Universiti
- 1.6 **Doktor Swasta** bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia
- 1.7 **Hospital IPTA** bermaksud hospital di bawah mana-mana IPTA kecuali perkhidmatan '*Private Wing*'.
- 1.8 **Hospital Kerajaan** bermaksud mana-mana Hospital Kerajaan, Pusat / Klinik Kesihatan, Klinik Desa dan Hospital Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- 1.9 **Hospital Swasta** bermaksud mana-mana Hospital Swasta yang menyediakan khidmat kepakaran dalam bidang perubatan tertentu dan memiliki wad-wad mengikut kelasnya
- 1.10 **Ibu bapa** bermaksud:
  - i. Ibu bapa kandung; atau
  - ii. Ibu bapa tiri; atau
  - iii. Ibu bapa angkat yang pertaliannya sah di sisi undang- undang iaitu ibu bapa yang mengambil anak angkat yang sah dari segi undang-undang; dan
  - iv. Kemudahan ini dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah sahaja pada satu-satu masa.
  - v. bermastautin di Malaysia sahaja,
- 1.11 **Lembaga Perubatan** bermaksud sebuah Jawatankuasa Perubatan yang ditubuhkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.
- 1.12 **Kecemasan** bermaksud mana-mana kes kritikal yang mengancam nyawa seperti cedera parah, kemalangan serius, kesukaran bernafas, pendarahan yang teruk, tidak sedarkan diri dan keadaan pesakit yang mengganggu ketenteraman orang lain atau membahayakan dirinya atau orang lain dan perlu diperakukan oleh Doktor yang merawat.

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

- 1.13 **Keluarga Staf Bukan Warganegara** bermaksud suami bagi pegawai wanita atau seorang isteri bagi pegawai lelaki dan tiga (3) orang anak yang berusia sehingga lapan belas (18) tahun yang telah diisyiharkan kepada Ketua Jabatan.
- 1.14 **Staf Warganegara** bermaksud staf warganegara Malaysia
- 1.15 **Klinik Panel Universiti** bermaksud Pusat Kesihatan Universiti, UTM dan mana-mana klinik swasta yang dilantik oleh Universiti untuk memberi khidmat perubatan kepada staf dan tanggungan kecuali ibu bapa.
- 1.16 **Lembaga Pengarah** bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia.
- 1.17 **Naib Canselor** bermaksud Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia
- 1.18 **Pegawai Perubatan** bermaksud doktor perubatan atau doktor pergigian yang berdaftar dan mempunyai lesen amalan perubatan.
- 1.19 **Pegawai Perubatan Universiti** bermaksud doktor perubatan atau doktor pergigian Universiti yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Teknologi Malaysia.
- 1.20 **Pegawai Yang Diberi Kuasa** bermaksud Naib Canselor atau mana-mana staf yang diberi kuasa dibawah seksyen 6 (14), Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- 1.21 **Pelawat** bermaksud mana-mana pelawat yang dijemput oleh Universiti untuk menjalankan urusan rasmi Universiti.
- 1.22 **Penyakit Kronik** bermaksud penyakit yang memerlukan rawatan berterusan seperti darah tinggi, kolesterol tinggi, kencing manis, sakit jantung, angin ahmar, kanser, penyakit pernafasan kronik, gout, penyakit buah pinggang dan / atau apa-apa penyakit yang diperakukan sebagai kronik oleh pakar perubatan dan/atau Pegawai Perubatan
- 1.23 **Perundingan** bermaksud khidmat nasihat yang diberikan kepada seseorang pesakit luar yang bukan pesakit mana-mana hospital atau yayasan perubatan kerajaan yang dirujuk oleh doktor dan / atau doktor pergigian bagi mendapatkan perkhidmatan (nasihat, preskripsi dan rawatan) terhadap penyakitnya.
- 1.24 **Pesara** bermaksud staf yang bersara menerima pencen di bawah Skim Pencen Badan Berkanun 1980
- 1.25 **Pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** bermaksud staf yang bersara tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Skim (KSWP) 1991
- 1.26 **Pusat Kesihatan Universiti** bermaksud Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Teknologi Malaysia

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

- 1.27 **Staf** bermaksud staf yang dilantik secara tetap, kontrak dan sementara di bawah Peruntukan Mengurus Universiti
- 1.28 **Staf Bukan Warganegara** bermaksud staf bukan warganegara yang dilantik oleh Universiti secara kontrak dan diperuntukkan kemudahan perubatan oleh Universiti mengikut terma dan syarat lantikan.
- 1.29 **Suami isteri** staf bermaksud suami bagi staf wanita dan isteri / isteri-isteri bagi staf lelaki. Maklumat wajib didaftarkan di dalam sistem UTMHR dan HRMIS
- 1.30 **Suami / Isteri Pesara** bermaksud suami bagi pesara wanita dan isteri/isteri-isteri bagi pesara lelaki yang didaftarkan sebelum persaraan
- 1.31 **Tanggungan** bermaksud suami bagi staf wanita dan isteri/isteri-isteri bagi staf lelaki, anak dan ibu bapa.
- 1.32 **Infertiliti Primer** bermaksud pasangan yang tidak pernah melahirkan anak setelah berkahwin dan tinggal bersama dalam tempoh 2 tahun sekiranya berumur di bawah 35 tahun, atau tempoh satu tahun untuk yang berumur melebihi 35 tahun tanpa menggunakan sebarang kontraseptif.
- 1.33 **Universiti** bermaksud Universiti Teknologi Malaysia.

**BAHAGIAN B : KEMUDAHAN RAWATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Lantikan Tetap, Lantikan Kontrak Universiti (termasuk staf kontrak antarabangsa) dan Lantikan Sementara yang berkelayakan;
- 1.2 Suami/isteri Staf;
- 1.3 Anak yang berkelayakan KECUALI ANAK TIRI;
- 1.4 Pesara (Skim Pencen dan KSWP) dan pasangan;
- 1.5 Ahli Lembaga Pengarah dan Pasangan

**2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Rawatan pesakit luar dan kecemasan

2.1.1 Rawatan pesakit luar dan kecemasan hanya diberi di dalam kawasan kampus Universiti sahaja mengikut kadar bayaran yang ditetapkan sepeleman dalam Jadual C.

2.1.2 Waktu perkhidmatan klinik pesakit luar adalah sepeleman di Jadual F.

- 2.2 Pemeriksaan Kesihatan (*Medical Check-up*)

2.2.1 Pemeriksaan Kesihatan (*Medical Check-up*) staf termasuk ujian darah, ujian air kencing dan X-ray dada boleh dibuat di Pusat Kesihatan Universiti atas arahan Universiti bagi tujuan:

- a. Melanjutkan pelajaran ke luar negara atau dalam negeri yang diluluskan oleh Universiti;
- b. Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan oleh Universiti;
- c. Penyambungan kontrak jawatan yang diluluskan oleh Universiti;
- d. Penawaran jawatan baru;
- e. Memperolehi dan/atau memperbaharui lesen PSV dan/atau GDL atas arahan Universiti;
- f. Pemeriksaan kesihatan berkala untuk staf yang mengendali mesin sinaran dan terlibat secara langsung di lokasi makmal sinaran di Fakulti;
- g. Pemeriksaan kesihatan berkala untuk staf yang mengendali mesin yang berisiko tinggi kepada pengendali dengan pengesahan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OSHE)

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **2.3 Kemudahan Ambulan**

- 2.3.1 Staf, tanggungan dan pekerja boleh mendapatkan kemudahan ambulan dalam keadaan kecemasan semasa berada di dalam kawasan Universiti.

*Nota : Kemudahan ambulan ini hanya diberikan kepada kes kecemasan sahaja yang berlaku di dalam kawasan kampus dengan bayaran seperti dalam Jadual C.*

### **2.4 Kemudahan Makmal dan X-ray**

- 2.4.1 Kemudahan ini dibuka pada waktu yang ditetapkan oleh pihak Pusat Kesihatan Universiti.
- 2.4.2 Universiti hanya menanggung kos pemeriksaan makmal dan x-ray sekiranya dinasihatkan dan dirujuk oleh Doktor Panel, Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Universiti atau /dan arahan KKM bagi kes-kes khas sahaja.
- 2.4.3 Prosedur yang dijalankan dengan rujukan Pegawai Perubatan Universiti dan terhad mengikut kes-kes tertentu pada waktu yang ditetapkan oleh pihak Pusat Kesihatan Universiti

### **2.5 Kemudahan Ruang Pemantauan**

- 2.5.1 Rawatan di Ruang Pemantauan Pusat Kesihatan Universiti untuk pemantauan sementara dalam waktu perkhidmatan Pusat Kesihatan Universiti
- 2.5.2 Mereka yang memerlukan pemerhatian lanjut dari waktu itu akan dirujuk ke Hospital Kerajaan

### **2.6 Pembedahan Kecil yang memerlukan bius setempat sahaja.**

### **2.7 Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak**

- 2.7.1 Pemeriksaan dan rawatan semasa mengandung (*ante-natal*) dan selepas bersalin (*post-natal*):
- Pemeriksaan fizikal ulangan semasa mengandung;
  - Ujian klinikal asas air kencing dan darah;
  - Pemeriksaan *ultra sound* tiga (3) kali sepanjang tempoh satu (1) kehamilan kecuali mempunyai masalah kesihatan;
  - Ubat termasuk vitamin dan mineral.

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

2.8 Kesihatan bayi dan kanak-kanak:-

- a. Pemeriksaan berkala bayi dan kanak-kanak termasuk imunisasi yang diwajibkan oleh KKM;
- b. Imunisasi yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan sepetimana di dalam Jadual B.

2.9 Perkhidmatan Perancangan Keluarga secara pil dan suntikan sahaja.

2.10 Perkhidmatan Imunisasi

- 2.10.1 Imunisasi yang diisyiharkan wajib dan disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia semasa wabak;
- 2.10.2 Suntikan vaksin tetanus (ATT) untuk rawatan luka; dan
- 2.10.3 Imunisasi wajib untuk keluar negara atas urusan rasmi Universiti.

2.11 Rawatan Pergigian

- 2.11.1 Waktu Perkhidmatan pergigian bagi staf di Pusat Kesihatan Universiti. Seperti Jadual D.

### 3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG

3.1 Alat bantuan kecacatan dan ketidakupayaan anggota seperti tongkat ketiak, kerusi roda, cermin mata dan alat bantuan pendengaran.

***Nota : Tongkat, kerusi roda boleh disewa di PKU dengan kadar yang ditetapkan***

3.2 Rawatan perubatan dan pembedahan ritual atau kosmetik seperti berkhatan dan rawatan jerawat melainkan dalam keadaan di mana Pegawai Perubatan Universiti berpendapat rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.

3.3 Pemeriksaan kesihatan, ujian makmal dan x-ray atas kehendak staf sendiri tanpa rujukan atau nasihat dari pegawai perubatan Universiti.

3.4 Kemudahan ambulan tidak disediakan bagi pesara

3.5 Penggunaan ambulan ke hospital untuk rawatan ulangan atau rujukan bukan kecemasan. Kos adalah di bawah tanggungan sendiri berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU)

3.6 Ujian Pengesahan Kehamilan (atas permintaan staf atau tanggungan)

**4.0 HAD KOS RAWATAN PESAKIT LUAR**

- 4.1 Had kos rawatan pesakit luar (bagi rawatan di Pusat Kesihatan Universiti dan Klinik Panel) adalah RM 1,500 setahun bagi setiap staf dan ahli keluarga.
- 4.2 Bagi staf dan ahli keluarga yang disahkan menghidapi penyakit kronik oleh Doktor Panel/Pegawai Perubatan, dikehendaki memohon tambahan had RM 1,500 setiap tahun. Namun begitu, ia masih tertakluk kepada had kos maksima seperti di Jadual C.
- 4.3 Had kos rawatan pesakit luar di PKU terpakai bagi pesara dan pasangan

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

### BAHAGIAN C. : KEMUDAHAN RAWATAN DI KLINIK PANEL UNIVERSITI

#### 1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Staf Lantikan Tetap
- 1.2 Suami/isteri; dan
- 1.3 Anak yang berkelayakan KECUALI ANAK TIRI;

#### 2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

- 2.1 Tanggungan perbelanjaan Universiti adalah terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan dalam jadual Kadar Bayaran Maksimum Perkhidmatan Klinik Panel.
- 2.2 Rawatan biasa pesakit luar dan kecemasan terhad kepada harga maksimum yang ditetapkan seperti dalam Jadual A.
- 2.3 Pemeriksaan perubatan
  - 2.3.1 Pemeriksaan perubatan staf termasuk imunisasi wajib, ujian darah, ujian air kencing dan X-ray dada boleh dibuat di klinik panel atas arahan Universiti bagi tujuan:
    - a. Melanjutkan pelajaran ke luar negara atau dalam negeri yang diluluskan oleh Universiti dengan syarat cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa dari Universiti;
    - b. Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan oleh Universiti;
    - c. Pembaharuan kontrak jawatan yang diluluskan oleh Universiti;
    - d. Penawaran ke jawatan baharu di UTM

*Nota : Kos yang ditanggung adalah tidak melebihi RM 80.00*

#### 2.4 Perkhidmatan Kesihatan Ibu Dan Kanak- Kanak

##### 2.4.1 Pemeriksaan dan rawatan ante-natal dan post-natal:

- a. Pemeriksaan fizikal ulangan;
- b. Ujian klinikal asas air kencing dan darah;
- c. Pemeriksaan ultra sound **dua kali** sepanjang tempoh satu kehamilan terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan dalam Jadual A;
- d. Ubat termasuk vitamin dan mineral

**2.4.2 kesihatan bayi dan kanak-kanak**

- a. Pemeriksaan berkala bayi dan kanak-kanak;
- b. Imunisasi yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sepetimana di nyatakan dalam Jadual B  
*Nota : Universiti hanya menanggung imunisasi kanak-kanak sehingga mencapai umur 2 tahun sahaja.*

**2.5 Perkhidmatan Perancang Keluarga**

- 2.5.1** Universiti akan menanggung kos rawatan perancang keluarga secara pil atau suntikan sahaja.

**2.6 Ujian Darah dan Ujian Air Kencing ;**

- 2.6.1** Universiti akan menaggung kos ujian berikut sahaja :

- a. Ujian asas air kencing; atau
- b. Ujian kandungan gula dalam darah;
- c. Ujian darah dan ujian air kencing yang perlu untuk pemeriksaan perubatan atas arahan Universiti dan/atau
- d. Ujian klinikal rutin darah dan air kencing semasa rawatan ulangan ante-natal

**2.7 Pemeriksaan *Electronic Cardio Graphy* (ECG), Ultrasound dan X-ray**

- 2.7.1** Universiti akan menanggung kos pemeriksaan ECG, Ultrasound dan X-ray bagi tujuan pemeriksaan perubatan dan merawat pesakit dalam kes kecemasan dan kemalangan.

**2.8 Rawatan Penyakit Kronik**

- 2.8.1** Doktor panel boleh memberikan rawatan penyakit kronik yang dikenalpasti untuk kali pertama sahaja. Preskripsi untuk satu penyakit untuk sekali rawatan adalah terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan sepetimana dalam Jadual A.

- 2.8.2** Rawatan selanjutnya hendaklah dirujuk kepada Pusat Kesihatan Universiti atau Hospital Kerajaan

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

- 2.8.3 Bagi staf yang masih memilih untuk meneruskan rawatan di klinik panel, Universiti hanya akan menggungkos rawatan seperti harga yang akan ditetapkan untuk tempoh sebulan terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan sepetimana dalam Jadual A.
- 2.9 Rawatan di klinik Panel bukan pilihan atau klinik swasta yang bukan klinik panel UTM apabila Universiti mengesahkan :
- 2.9.1 rawatan **kecemasan** yang mengancam nyawa terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan dalam Jadual A; atau;
- 2.9.2 staf menjalankan tugas rasmi (dengan surat arahan bertugas) di luar kawasan klinik panel pilihannya; atau
- 2.10 Rawatan di klinik panel bukan pilihan apabila klinik panel pilihan tutup atau tidak dapat memberikan perkhidmatan, dan staf telah mendahulukan bayaran rawatan;
- 2.10.1 Tuntutan semula adalah terhad kepada kadar bayaran maksimum yang ditetapkan dalam Jadual A.
- 2.11 Tuntutan bayaran balik kos perkhidmatan boleh dibuat menggunakan borang permohonan Tuntutan Bayaran Rawatan di Klinik Bukan Panel/Hospital Kerajaan.
- 2.12 Rawatan klinik swasta di luar kawasan tidak ditanggung kecuali staf diarahkan bertugas rasmi di luar kawasan. Hanya rawatan untuk staf sahaja yang ditanggung oleh Universiti bagi kes ini.

### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Rawatan yang tidak ditanggung pembayarannya oleh Universiti adalah seperti berikut :
- 3.1.1 rawatan / perundingan yang setaraf doktor pakar
- 3.1.2 rawatan bersalin
- 3.1.3 prosedur rawatan yang memerlukan bius selain dari bius setempat
- 3.1.4 rawatan perubatan dan pembedahan ritual atau kosmetik seperti berkhatan dan rawatan jerawat/estetik melainkan dalam keadaan di mana Pegawai Perubatan Universiti berpendapat rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

- 3.1.5 Semua jenis imunisasi **KECUALI** vaksin TETANUS (ATT) untuk rawatan luka dan imunisasi wajib bagi kanak-kanak dibawah dua (2) tahun.
- 3.1.6 Rawatan imunisasi sama ada untuk tujuan pelalian biasa ataupun untuk keadaan wajib seperti keluar negeri dan imunisasi semasa wabak **KECUALI** atas arahan Universiti.
- 3.1.7 Sebarang vitamin, mineral dan diet tambahan  
**KECUALI:**
  - a. Untuk rawatan sepanjang tempoh ante- natal; atau
  - b. Untuk tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari sebagai sebahagian dari rawatan penyakit.
- 3.1.8 Rawatan Pap Smear
- 3.1.9 Rawatan perancang keluarga selain dari pil dan suntikan.

### **4.0 KELAYAKAN KLINIK PANEL**

- 4.1 Satu keluarga staf hanya dibenarkan untuk memilih dua (2) klinik panel UTM bagi kemudahan rawatan mereka. Klinik panel yang dipilih akan dikemaskini dalam sistem UTMHR.
- 4.2 Proses pertukaran klinik panel pilihan staf boleh dibuat dengan mengisi Borang Pertukaran Klinik Panel:
  - 4.2.1 Klinik panel pilihan yang belum cukup enam (6) bulan boleh ditukar berdasarkan alasan tertentu sahaja. Pertukaran hanya boleh dibuat di Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar UTM.
  - 4.2.2 Pertukaran klinik panel pilihan yang sudah melebihi enam (6) bulan boleh dibuat di pejabat Am (HCM) Fakulti/Jabatan/PTJ masing-masing.

### **5.0 HAD KOS RAWATAN PESAKIT LUAR**

- 5.1 Had kos rawatan pesakit luar (bagi rawatan di Klinik Panel dan PKU) adalah RM 1,500 setahun bagi setiap staf dan ahli keluarga.
- 5.2 Bagi staf dan ahli keluarga yang disahkan menghidapi penyakit kronik oleh Doktor Panel/Pegawai Perubatan, dikehendaki memohon tambahan had RM 1,500 setiap tahun. Namun begitu, ia masih tertakluk kepada had kos maksima seperti di Jadual A dan B.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **BAHAGIAN D : KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN**

#### **1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf;
- 1.2 Suami / Isteri
- 1.3 Ibu / Bapa
- 1.4 Anak yang berkelayakan
- 1.5 Balu
- 1.6 Pesara (Skim Pencen dan KSWP) dan Pasangan
- 1.7 Ahli Lembaga Pengarah dan Pasangan (semasa dalam tempoh pelantikan)

#### **2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Semua perkhidmatan rawatan di Hospital Kerajaan termasuk *Computed Tomography Scan* (CT Scan), *Magnetic Resonance Imaging* (MRI), *Ultrasound* (USG), *Electrocardiogram* (ECG).
- 2.2 Pembelian ubat yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan yang tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.
- 2.3 Pembelian, penggantian dan/atau pemberian alat ortopedik dan anggota palsu yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan tetapi tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.
- 2.4 Rawatan dan pembelian ubat dan tidak boleh dibekalkan oleh Hospital Kerajaan. Semua jenis pembekalan/ pembelian/ penggantian/ pemberian alat seperti berikut:
  - a. Alat Ortopedik
  - b. Anggota Palsu (Rujuk Jadual 1)
  - c. Kerusi Roda (Rujuk Jadual 2)
  - d. Alat Bantuan Pendengaran
  - e. Alat Rawatan Jantung
  - f. Alat Bantu Pernafasan
  - g. Koklea Implant
  - h. Colostomy Bag
  - i. Urine Bagntraocular Lens

Dengan syarat diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan di mana rawatan, ubat dan alat tersebut tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

- 2.5 Perbelanjaan bagi memasang *Implant* dalam tubuh bagi tujuan menyelamatkan nyawa dan/atau untuk keselesaan pesakit yang diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan.
- 2.6 Rawatan bersalin terhad kepada 5 orang anak sepanjang perkhidmatan di sektor awam
- 2.7 Perbelanjaan untuk pembekalan kerusi roda, alat bantuan pendengaran kecuali ibu bapa. Pembekalan alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implant, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens* kecuali ibu bapa.  
*Nota : Perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu SEBELUM membuat pembelian.*

Kelulusan pemberian kos perubatan adalah tertakluk kepada Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.

### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Pembekalan semua jenis/kategori alat untuk ibu bapa;
- 3.2 Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit untuk ibu bapa;
- 3.3 Rawatan membuat crowning, *implant*, *bridge*, *veneer*, *whitening*, *gigi palsu* dan rawatan ortodontik bagi tujuan corrective measure yang merupakan rawatan kosmetik;
- 3.4 Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan ritual dan komestik seperti berkhatan dan rawatan jerawat;
- 3.5 Kos pembelian alat bantuan kecacatan, alat ketidakupayaan anggota dan alat gantian anggota seperti tongkat ketiak, cermin mata dan gigi palsu;
- 3.6 Perbelanjaan untuk pembekalan alat pakai buang.
- 3.7 Perbelanjaan bagi pembekalan makanan atau makanan tambahan (*food supplement*) atau perubatan alternatif.
- 3.8 Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – *Full Paying Patient (PPP)*

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **4.0 RAWATAN DILUAR KAWASAN**

4.1 Staf dan tanggungan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan memerlukan rawatan di luar kawasan melebihi tiga puluh tiga (33) km boleh menuntut elaun kelayakannya, seolah-olah staf dalam perjalanan kerana urusan rasmi di luar kawasan. Kos yang ditanggung adalah mengikut kelayakannya seperti berikut:

- a. Kos rawatan di Hospital Kerajaan;
- b. Perbelanjaan bagi seorang pengiring dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan kecuali pesara;
- c. Kos sara hidup untuk pesakit dan pengiring kecuali pesara. (Makan, pengangkutan/ perjalanan/perbatuan, penginapan)
- d. Tuntutan Perjalanan sama ada Tambang Gantian atau Tambang Perbatuan mana yang lebih rendah.

*Nota : Sebarang tuntutan perjalanan hendaklah dibuat di PTJ masing-masing. Kelayakan untuk staf sahaja.*

### **5.0 SURAT JAMINAN PERUBATAN**

5.1 Staf atau tanggungan yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan atau rawatan pergigian di Klinik Pergigian Kerajaan; atau Lembaga Penduduk dan Perancangan Keluarga Negara (LPPKN) atau mana-mana pusat yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan dikehendaki mengemukakan surat Jaminan Perubatan.

*Nota : Surat Jaminan Perubatan hendaklah dicetak dari sistem HRMIS*

### **6.0 SURAT PERAKUAN BERSALIN BAGI STAF WANITA**

6.1 Bagi pegawai wanita yang hendak bersalin sama ada di hospital kerajaan/swasta dikehendaki mengemukakan surat perakuan bersalin dari doktor hospital berkenaan. Surat berkenaan boleh didapati di jabatan/fakulti masing-masing.

### **7.0 SURAT PERMOHONAN CUTI BERSALIN**

7.1 Bagi staf wanita yang telah bersalin dikehendaki mengemukakan surat Permohonan Cuti Bersalin kepada ketua jabatan/fakulti masing-masing. Surat berkenaan hendaklah disertakan bersama Surat Perakuan Bersalin yang telah disahkan pihak hospital bagi tujuan cuti bersalin antara enam puluh (60) hari hingga sembilan puluh (90) hari tertakluk kelulusan Ketua Jabatan. Tertakluk kepada jumlah 360 hari sepanjang berkhidmat.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **BAHAGIAN E : KEMUDAHAN RAWATAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA**

#### **1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf;
- 1.2 Suami/isteri;
- 1.3 Anak yang berkelayakan KECUALI ANAK TIRI;
- 1.4 Ibu bapa;
- 1.5 Balu (selagi tidak berkahwin semula);
- 1.6 Pesara (Skim Pencen dan KSWP)
- 1.7 Ahli Lembaga Pengarah dan Pasangan

#### **2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Bagi kes bukan kecemasan, perbelanjaan yang boleh dipertimbangkan tertakluk:
  - 2.1.1 Keperluan rawatan kepakaran diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan
  - 2.1.2 Pakar Perubatan Kerajaan mengesahkan rawatan yang diperlukan tidak dapat dibekalkan/disediakan oleh Hospital Kerajaan
- 2.2 Rawatan yang diperlukan serta merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang disahkan oleh Pakar Perubatan Hospital Swasta yang merawatnya, dimana:
  - 2.2.1 Hospital/klinik swasta berada paling hampir dengan tempat kejadian kecemasan; atau
  - 2.2.2 Tiada hospital/klinik Kerajaan berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan tersebut; dan
  - 2.2.3 Kos yang ditanggung oleh Universiti adalah:
    - a. Kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga tempoh pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke Hospital Kerajaan;
    - b. Bayaran wad dan makanan akan ditanggung oleh Universiti sebanyak 80% daripada jumlah bayaran tersebut;
    - c. Kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga tempoh pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke Hospital Kerajaan;
    - d. Bayaran wad dan makanan akan ditanggung oleh Universiti sebanyak 80% daripada jumlah bayaran tersebut
  - 2.2.4 Rawatan susulan hendaklah dibuat di Hospital Kerajaan

- 2.3 Rawatan pakar yang disahkan perlu dan pakar Perubatan Kerajaan memperakukan rawatan berkenaan tidak diperolehi di Hospital Kerajaan tertakluk kepada kelulusan Universiti. Kos yang ditanggung oleh Universiti adalah:
- a. Kos rawatan di hospital swasta;
  - b. Bayaran wad yang dicaj bersekali dengan makanan, kos yang akan ditanggung adalah sebanyak 80% daripada jumlah keseluruhan bayaran tersebut;
  - c. Rawatan kecemasan tertakluk kepada terma dan syarat
- 2.4 Rawatan susulan di Hospital Swasta boleh dipertimbangkan dengan syarat disahkan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan bahawa rawatan berkenaan

### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Bagi semua kes kecemasan, bukan kecemasan atau rawatan kepakaran di hospital swasta, kos berikut tidak ditanggung oleh Universiti:
- a. 20% daripada caj wad mengikut kelayakan di Hospital Swasta samada dicaj secara berasingan atau tidak;
  - b. Bayaran wad yang melebihi kelayakan;
  - c. 20% daripada cas makanan sekiranya makanan dicaj berasingan daripada wad; dan
  - d. Bayaran lain yang diluar daripada komponen caj wad seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa seperti makanan, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.
- 3.2 Mana-mana rawatan kecemasan, bukan kecemasan atau rawatan kepakaran yang tidak memenuhi syarat di atas.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **BAHAGIAN F : KEMUDAHAN PERKHIDMATAN RAWATAN DIALISIS / CAPD (CONTINUOUS AMBULATORY PERITONIAL DIALYSIS)**

#### **1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Warganegara (Tetap)
- 1.2 Suami/isteri;
- 1.3 Anak yang berkelayakan **KECUALI ANAK TIRI**;
- 1.4 Ibu bapa;
- 1.5 Balu (selagi tidak berkahwin semula)
- 1.6 Pesara (Skim Pencen dan KSWP) dan pasangan

#### **2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Rawatan Dialisis di Pusat Dialisis Kerajaan/Unit Dialisis Universiti/ Pusat Dialisis Swasta
  - 2.1.1 Universiti akan menanggung kos rawatan dialisis terhad kepada jumlah maksimum sebanyak RM200.00 bagi setiap sesi rawatan dan suntikan EPO (Erythropoietin) RM 1000 sebulan maksimum di Pusat Rawatan Dialisis Kerajaan/Unit Dialisis Universiti. Lebihan perlu dibayar oleh Staf/Pesara berkenaan
- 2.2 Rawatan Dialisis di Pusat Dialisis Swasta
  - 2.2.1 rawatan dialisis di Pusat Dialisis Swasta sekiranya diperakukan oleh Pakar Nefrologi Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Universiti bahawa Pusat Rawatan Dialisis Kerajaan/Universiti tidak dapat membekal/menyediakan rawatan.
  - 2.2.2 Rawatan dialisis di Pusat Dialisis Swasta tidak melebihi RM200.00 sekali rawatan.
  - 2.2.3 Perbelanjaan lain termasuk sebarang ubat, alat atau ujian lain yang berkaitan dengan rawatan dialisis boleh dipertimbangkan berdasarkan permohonan dengan perakuan Pakar Nefrologi Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Universiti.
  - 2.2.4 Rawatan Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) termasuk ubat dan alat pakai buang boleh dipertimbangkan jika diperakukan oleh Pakar Nefrologi Hospital Kerajaan tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

- 2.2.5 Perbelanjaan pembedahan *Arterio-Venous Fistula* (AVF) boleh dipertimbangkan sekiranya dirujuk oleh Pakar Nefrologi Kerajaan/Pusat Kesihatan Universiti.
- 2.2.6 Permohonan perbelanjaan bagi pembedahan AVF di hospital/klinik swasta boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan/Pusat Kesihatan Universiti merujuk pesakit supaya menjalani pembedahan tersebut di hospital/klinik swasta berdasarkan faktor-faktor berikut:
- a. Kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF yang keterlaluan di hospital Kerajaan; atau
  - b. Pembedahan AVF pertama gagal; atau
  - c. Kemahiran pembedahan AVF di hospital / klinik swasta adalah lebih baik berbanding di hospital / klinik Kerajaan
  - d. Pembedahan AVF bagi kali kedua dan seterusnya perlu mendapat pengesahan Doktor/*Person in charge* (PIC) di Pusat Dialisis berkenaan.
  - e. Perakuan dan pengesahan Pakar Nefrologi Kerajaan untuk rawatan dialisis/CAPD hanya perlu dikemukakan kepada Universiti semasa permohonan kali pertama sahaja.

### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Rawatan yang dibuat atas pilihan sendiri tanpa merujuk kepada Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Universiti.
- 3.2 Perbelanjaan yang telah dibuat di hospital/klinik swasta sebelum tarikh mendaftar dan disahkan menghadapi penyakit *end stage renal failure* oleh Pakar Nefrologi/pegawai perubatan di hospital/klinik kerajaan.
- 3.3 Ibu bapa staf yang menggunakan perkhidmatan di Unit Dialisis, Pusat Kesihatan Universiti akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditentukan untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tamat perkhidmatan staf.
- 3.4 Perbelanjaan bagi pembekalan ubat atau alat atau ujian lain yang berkaitan dengan rawatan penyakit buah pinggang adalah tertakluk kepada tatacara sebagaimana yang ditetapkan di perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil.21 Tahun 2009

### **4.0 TANGGUNGAN RISIKO RAWATAN DIALISIS**

- 4.1 Universiti tidak bertanggungjawab terhadap sebarang risiko yang berlaku ke atas pesakit sebelum, semasa dan selepas rawatan. Pesakit atau wakil bagi pihaknya tidak berhak menuntut sebarang pampasan sekiranya masalah timbul secara langsung atau tidak.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **BAHAGIAN G : KEMUDAHAN RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD (IJNSB)**

#### **1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Warganegara Malaysia;
- 1.2 Suami/isteri;
- 1.3 Anak yang berkelayakan KECUALI ANAK TIRI;
- 1.4 Ibu bapa;
- 1.5 Balu; dan
- 1.6 Pesara (Skim Pencen dan KSWP) dan Pasangan
- 1.7 Ahli Lembaga Pengarah dan Pasangan (semasa dalam tempoh lantikan)

#### **2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

Universiti menanggung semua kos perkhidmatan di IJNSB bagi keadaan berikut:

- 2.1 Dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum atau Pakar Kardiologi dari Hospital/Klinik Kerajaan atau Hospital/Klinik Swasta ke IJNSB dengan syarat bahawa pesakit telah mendapat rawatan di hospital Kerajaan / Swasta dan dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum atau Pakar Kardiologi atau Pakar Perubatan Kecemasan di Hospital Kerajaan /Hospital Swasta ke IJNSB;
- 2.2 Dalam keadaan kecemasan, staf boleh terus ke IJNSB dan mendapat perakuan Pakar Perubatan Kardiologi IJNSB serta mematuhi Prosedur Perbelanjaan Bagi Rawatan Kecemasan dalam Pekeliling Perkhidmatan Semasa.

#### **3.0 SURAT JAMINAN PERUBATAN**

- 3.1 Surat Jaminan Perubatan akan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sahaja selepas surat rujukan dari Pakar Perubatan Umum atau Pakar Kardiologi atau Pakar Perubatan dari Hospital Kerajaan/Hospital Swasta ke IJNSB dan juga bagi rawatan susulan.

#### **4.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 4.1 Mana-mana Rawatan di IJNSB yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **BAHAGIAN H : KEMUDAHAN RAWATAN DI HOSPITAL MATA TUN HUSSEIN ONN**

#### **1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Warganegara Malaysia;
- 1.2 Suami/isteri;
- 1.3 Anak yang berkelayakan **KECUALI ANAK TIRI**;
- 1.4 Ibu bapa; dan
- 1.5 Pesara (Skim Pencen dan KSWP)
- 1.6 Ahli Lembaga Pengarah dan Pasangan (semasa dalam tempoh lantikan)

#### **2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Universiti menanggung semua kos perkhidmatan di Hospital Mata Tun Hussein Onn sekiranya dirujuk oleh Pakar Perubatan Hospital Kerajaan dan diperakukan rawatan tersebut tidak terdapat di Hospital Kerajaan.

Nota :

- i. Pemohon hendaklah mengisi borang Perubatan 1/09
- ii. Surat Jaminan tidak akan dikeluarkan dan tuntutan dibuat berdasarkan *pay and claim*

#### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Mana-mana Rawatan di Hospital Mata Tun Hussein Onn yang tidak memenuhi syarat di atas.
- 3.2 Rawatan mata berbentuk kosmetik.

**BAHAGIAN I : KEMUDAHAN RAWATAN DI LEMBAGA PENDUDUK DAN PERANCANGAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Warganegara Malaysia;
- 1.2 Suami/isteri;

**2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Perbelanjaan bagi rawatan kemandulan yang diperakukan oleh pakar LPPKN dengan syarat rawatan adalah untuk mengatasi *Primary infertility* sahaja iaitu bagi mereka yang tidak pernah mengandung dan menghadapi kesukaran mengandung.
- 2.2 Rawatan sampingan seperti *Hysterosalpingogram* (HSG), *X-ray*, pembedahan dan rawatan sampingan lain yang dijalankan oleh doktor LPPKN tetapi tidak dapat dijalankan di Hospital Kerajaan.
- 2.3 Rawatan yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan

**3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Rawatan untuk menjalani proses mengandung bukan semulajadi seperti proses *In Vitro Fertilisation* (IVF), proses *Gamete Intra-Fallopian Transfer* (GIFT) dan *Intra Cytoplasmic Sperm Injection* (ICSI) dan sebagainya.
- 3.2 Rawatan untuk mengatasi *Secondary Infertility* di mana;
  - 3.2.1 Pegawai/pasangan sudah pun mempunyai anak dan gagal mendapat anak kedua atau seterusnya; dan
  - 3.2.2 Pegawai/pasangan pernah mengandung dan telah mengalami keguguran

**BAHAGIAN J : KEMUDAHAN RAWATAN LUAR NEGARA**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.0 Staf Wargnegara Malaysia;
- 1.1 Suami/isteri
- 1.2 Anak yang berkelayakan **KECUALI ANAK TIRI**

**2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Universiti boleh menimbangkan kemudahan rawatan pakar di luar negara kepada staf dan tanggungan sahaja sekiranya difikirkan perlu, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Pengarah Universiti.
- 2.2 Syarat-syarat untuk mendapatkan kemudahan rawatan di luar negara adalah seperti berikut:
  - a. Rawatan bagi penyakit tersebut tidak boleh diperolehi dari mana-mana Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta di Malaysia
  - b. Adanya laporan daripada Lembaga Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengkaji jenis penyakit tersebut dan mengesahkan rawatan tersebut diperlukan.
- 2.3 Perbelanjaan rawatan luar negara untuk pesakit dan jika diperlukan perbelanjaan seorang pengiring dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia akan ditanggung oleh Universiti.
- 2.4 Perbelanjaan adalah seperti berikut:-

Kos yang ditanggung oleh Universiti adalah:

  - a. Kos rawatan di hospital dan caj wad pada kadar minimum selama 3 hari (bermula pada tarikh dimasukkan ke wad)
  - b. Kos sara hidup (makan, pengangkutan dan sewa hotel/lojing) tidak melebihi lima (5) hari setelah sampai di negara berkenaan dan tidak melebihi lima (5) hari sebelum kembali ke Malaysia bagi pesakit dan seorang pengiring jika diperakukan oleh Lembaga Perubatan Kementerian; dan
  - c. Tambang kapal terbang kelas ekonomi pergi dan balik bagi pesakit dan seorang pengiring jika diperakukan oleh Lembaga Perubatan Kementerian.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Kos yang tidak ditanggung oleh Universiti adalah:
  - a. Bayaran wad bersamaan dengan kadar yang dikenakan kepada staf / tanggungan jika dimasukkan ke Hospital Kerajaan; dan
  - b. Bayaran lain seperti makanan di luar daripada komponen caj wad seperti telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.
- 3.2 Mana-mana rawatan di Hospital Luar Negara yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas.

**BAHAGIAN K : RAWATAN PERGIGIAN**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf tetap sahaja;
- 1.2 Suami/isteri; dan
- 1.3 Anak yang berkelayakan **KECUALI ANAK TIRI**;

**2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG**

- 2.1 Rawatan yang dibuat di Klinik Pergigian Kerajaan / Klinik Pergigian Swasta / Pusat kesihatan Universiti terhad kepada RM500.00 setahun bagi setiap staf dan ahli keluarganya yang berkelayakan meliputi:
  - a. Pemeriksaan dan Diagnosa
  - b. Ubat-ubatan
  - c. Rawatan Abses (Bengkak Gusi)
  - d. Cabutan Gigi
  - e. Tampalan Gigi
  - f. Penskaleran (Cuci Gigi)
  - g. Endodontik (Mematikan Saraf Gigi)
  - h. Pembedahan Kecil Mulut (*Minor Oral Surgery*)
  - i. X-ray
  - j. Gigi palsu
- 2.2 Staf dan tanggungan yang telah membuat pembayaran rawatan pergigian boleh membuat tuntutan balik ke Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar dengan menggunakan Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Rawatan Pergigian dalam **tempoh 3 bulan** dari tarikh menerima rawatan.

**3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Rawatan yang tidak ditanggung merangkumi
  - a. Crown
  - b. Inlay/Onlay
  - c. Implant
  - d. Bridge
  - e. Orthodontik
  - f. Rawatan Kosmetik Gigi.

**BAHAGIAN L : PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI STAF YANG BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGARA**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf Lantikan Universiti (Kontrak dan Tetap)

**2.0 KOS YANG DITANGGUNG**

2.1 Seorang pegawai yang jatuh sakit semasa bertugas rasmi di luar Negara dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan adalah layak menuntut belanja perubatan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a. Belanja perubatan hendaklah munasabah dan rawatan hendaklah dilakukan di Hospital Kerajaan di negara berkenaan sahaja kecuali rawatan yang diperlukan secara serta merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (life-threatening), mengambil kira jarak di antara tempat kejadian dengan hospital yang paling hampir. Namun jika jarak hospital/klinik kerajaan dan hospital/klinik swasta adalah sama, rawatan hendaklah dilakukan di hospital/klinik kerajaan;
- b. Belanja perubatan itu hanya untuk bayaran bagi rawatan perubatan pesakit luar;
- c. Belanja perubatan bagi kecederaan akibat kemalangan yang berlaku semasa menjalankan tugas rasmi, kos rawatan termasuk wad adalah ditanggung sepenuhnya oleh Universiti

2.2 Pegawai yang bertugas rasmi di luar negara diwajibkan untuk mencarum Insurans Perjalanan Luar Negara dan bayaran premium adalah ditanggung oleh Universiti

**3.0 KOS YANG TIDAK DITANGGUNG**

3.1 Kos yang tidak ditanggung merangkumi:

- i. Bayaran wad;
- ii. Elaun makan dan bayaran sewa hotel/elaun lojing semasa di hospital tersebut

**BAHAGIAN M : PEMBIAYAAN KEMUDAHAN CERMIN MATA**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf tetap sahaja

**2.0 SYARAT PERMOHONAN**

- 2.1 Kelayakan tuntutan pembelian cermin mata hanya terpakai sekiranya kemudahan pergigian masih belum digunakan pada tahun berkenaan.
- 2.2 Kemudahan pembiayaan cermin mata layak dituntut selepas 3 tahun tuntutan cermin mata dibuat.
- 2.3 Had maksimum yang ditanggung oleh Universiti sebanyak RM500.
- 2.4 Tuntutan hanya boleh dibuat bagi salah satu kemudahan sama ada pergigian ATAU cermin mata pada tahun berkenaan

**3.0 KOS YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 3.1 Kos yang tidak ditanggung merangkumi:
  - i. Kanta Lekap
  - ii. Cermin mata hitam (*sunglass*)

**BAHAGIAN N : PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

**1.0 KELAYAKAN**

- 1.1 Staf (Kontrak dan Tetap)

**2.0 SYARAT PERMOHONAN**

- 2.1 Kemudahan ini diberi kepada pegawai yang telah berumur 40 tahun dan ke atas
- 2.2 Pemeriksaan kesihatan dibuat di Pusat Kesihatan Universiti
- 2.3 Staf yang telah dan sedang menjalani rawatan perubatan atau pemeriksaan kesihatan dalam program rawatan tertentu tidak perlu menggunakan kemudahan ini
- 2.4 Staf tidak perlu mengambil cuti rehat bagi menjalani pemeriksaan ini
- 2.5 Pemeriksaan ini tidak dikenakan sebarang bayaran;
- 2.6 Staf tidak dibenarkan menuntut apa-apa elaun dan kemudahan bagi tujuan pemeriksaan ini; dan
- 2.7 Laporan dan ulasan diberikan oleh Doktor bagi mengetahui tahap kesihatan staf dan memastikan staf menjalani gaya hidup sihat seperti yang disarankan oleh Doktor
- 2.8 Laporan pemeriksaan hendaklah direkodkan dan perlu mendapat persetujuan dari staf.
- 2.9 PSM PTJ perlu memantau sekiranya staf tidak mengikut langkah atau saranan yang diberikan oleh Doktor dan staf boleh dikenakan tindakan.

**BAHAGIAN O : PELBAGAI**

**1.0 CUTI BELAJAR/ CUTI SABATIKAL/ MENJALANI PROGRAM POST DOCTOROL DI LUAR NEGARA**

- 1.1 Staf yang sedang cuti belajar/ cuti sabatikal/ menjalani program post doctorol dan membawa tanggungan bersama adalah tertakluk kepada peruntukan perubatan yang terdapat di bawah syarat cuti belajar dan insurans yang wajib dilanggani.
- 1.2 Tanggungan staf yang tidak menyertai staf dan tinggal di Malaysia dan berada dalam kawasan klinik panel Universiti adalah layak menerima kemudahan perubatan dalam skim ini.

**2.0 CUTI BELAJAR DI DALAM NEGERI/CUTI SABATIKAL/ MENJALANI PROGRAM POST DOKTORAL**

- 2.1 Staf dan tanggungan adalah layak mendapat kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan di bawah skim ini. Mana-mana tempat yang tidak terdapat perkhidmatan klinik panel maka staf dan tanggungan hendaklah mendapatkan rawatan dan kemudahan perubatan daripada Hospital Kerajaan sahaja.

**3.0 SISTEM MAKLUMAT PERUBATAN (UTMHR)**

- 3.1 Staf adalah bertanggungjawab memastikan maklumat sentiasa dikemaskini dengan betul dari semasa ke semasa:
  - a. Maklumat diri dan tanggungannya (termasuk ibu bapa)
  - b. Maklumat klinik panel pilihan
  - c. Maklumat penyakit kronik
  - d. Tambahan tanggungan
  - e. Perubahan Taraf Perkahwinan
- 3.2 Staf dikehendaki mengisi Borang Tambahan Tanggungan (anak) atau borang Perubahan Taraf Perkahwinan (suami/isteri) sekiranya berlaku sebarang perubahan.
- 3.3 Pihak klinik panel dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) berhak menuntut bayaran tunai dari staf sekiranya maklumat diri dan tanggungannya tidak dapat diakses dari sistem UTMHR kerana kecuaian staf tidak mengemaskini maklumat. Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk memaklumkan kepada PSM maklumat tanggungan bagi tujuan mengemaskini dalam sistem UTMHR.

4.0

**JAWATANKUASA PERUBATAN UNIVERSITI**

- 4.1 Jawatankuasa Perubatan Universiti boleh ditubuhkan atas arahan Naib Canselor merupakan sekumpulan pegawai perubatan yang dilantik bagi mengkaji, mencadang dan membuat laporan tentang penyakit yang dihadapi oleh staf bagi tujuan menentukan kelayakan cuti sakit, cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji dan juga persaraan atas sebab-sebab kesihatan.
- 4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Perubatan hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya dua (2) orang Pegawai Perubatan dan salah seorang daripadanya hendaklah pakar atau mahir dalam bidang penyakit yang dihadapi oleh staf. Ahli Jawatankuasa Perubatan boleh juga dilantik daripada doktor swasta yang sesuai. Ketua Jabatan/Pegawai Bahagian Pengurusan Modal Insan boleh dijemput untuk membantu dalam pengendalian prosedur Jawatankuasa.
- 4.3 Pihak Universiti boleh memohon untuk menubuhkan Jawatankuasa Perubatan jika berlaku salah satu daripada keadaan berikut:
  - a. Apabila seorang staf diberi cuti sakit selama empat puluh lima (45) hari atau lebih dalam tiap-tiap tahun bagi tiga (3) tahun berturut-turut; atau
  - b. Apabila seorang staf masih didapati tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cutি sakit selama sembilan puluh (90) hari setahun; atau
  - c. Apabila seorang staf disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan bahawa sakit yang dihadapi tiada harapan untuk sembuh dan tidak berupaya menjalankan tugasnya; atau
  - d. apabila Universiti meragui kewarasan otak atau kesihatan fizikal staf berkenaan; atau
  - e. Apabila staf mengalami kecederaan semasa bertugas dan bagi menentukan kelayakan pegawai untuk menikmati kemudahan tuntutan PERKESO atau Pencen Hilang Upaya; atau
  - f. Apabila staf menghidap penyakit jiwa, tibi, kusta atau barah, dan/ atau
  - g. Apabila staf atau tanggungan perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negara kerana tiada rawatan sedemikian di dalam negara.

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

### **5.0 MENINGGALKAN PERKHIDMATAN**

- 5.1 Staf yang diberhentikan dari perkhidmatan, tamat perkhidmatan, dibuang kerja atau ditahan kerja dan tanggungan adalah tidak ditanggung mendapatkan kemudahan perubatan di klinik panel, Pusat Kesihatan Universiti, Klinik Kesihatan Kerajaan dan Hospital Kerajaan berkuatkuasa mulai dari tarikh staf diberhentikan, tamat perkhidmatan, dibuang kerja atau ditahan kerja.

### **6.0 KUASA UNIVERSITI**

- 6.1 Universiti berhak meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana atau keseluruhan skim pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya atau berdasarkan Pekeliling-pekeliling perkhidmatan semasa.

**APPENDIX**

<b>BIL</b>	<b>JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>
1.	<b>JADUAL A</b>	KADAR BAYARAN MAKSIMUM PERKHIDMATAN KLINIK PANEL
2.	<b>JADUAL B</b>	IMUNISASI WAJIB KANAK-KANAK BAWAH 2 TAHUN (KLINIK PANEL)
3.	<b>JADUAL C</b>	KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
4.	<b>JADUAL D</b>	KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN (STAF) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
5.	<b>JADUAL E</b>	KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN (PENYAKIT KRONIK) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
6.	<b>JADUAL F</b>	JADUAL KLINIK PESAKIT LUAR PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI <ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI UTM JOHOR BAHRU</li><li><input type="checkbox"/> JADUAL KLINIK PERGIGIAN (STAF) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI</li><li><input type="checkbox"/> PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI UTM KUALA LUMPUR</li><li><input type="checkbox"/> KEDIAMAN SISWA JAYA (KSJ) UTM KUALA LUMPUR</li></ul>
7.	<b>JADUAL G</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. PENETAPAN KELAYAKAN KELAS WAD HOSPITAL KERAJAAN</li><li>2. KELAYAKAN WAD DI HOSPITAL SWASTA</li></ol>

**SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

**JADUAL A**  
**KADAR BAYARAN MAKSIMUM PERKHIDMATAN KLINIK PANEL**

BIL.	PERKARA	HARGA MAKSIMA (RM)
1.	Perundingan biasa	25.00
	Perundingan (12.00 malam – 8.00 pagi)	
2.	Ubat bagi kes biasa bagi sekali rawatan	70.00
3.	Ubatan penyakit kronik bagi satu penyakit untuk sebulan	70.00
4.	Medical check-up(asas termasuk X-ray) *atas arahan Universiti sahaja	80.00
5.	Rawatan luka termasuk jahitan	100.00
6.	Dressing	100.00
7.	Nebulizer	20.00/rawatan
8.	<b>PEMERIKSAAN DAN RAWATAN ULANGAN ANTE NATAL</b>	
	Pemeriksaan pertama (ujian darah dan ujian urine)	80.00
	Pemeriksaan ulangan (termasuk ujian urine)	40.00
	Pemeriksaan ulangan (termasuk ujian urine dan darah)	60.00
	Vitamin untuk-tujuan ante-natal	40.00
9.	Pemeriksaan diagnostik ultrasound termasuk ante antal	60.00
10.	Pemeriksaan ECG	35.00
11.	Suntikan kecuali vaksin	20.00
12.	Perancang keluarga (pil/suntikan)	40.00
13.	Pemeriksaan diagnostik X-ray	100.00
14.	Suntikan Imunisasi wajib kanak-kanak bawah dua (2) tahun	Rujuk jadual B
15.	Rawatan infusi (termasuk IV Line dan 1 botol)	25.00
	Rawatan infusi (termasuk IV Line dan maksimum 2 botol)	40.00
16.	Ujian Makmal	200.00

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

### JADUAL B IMUNISASI WAJIB KANAK-KANAK BAWAH 2 TAHUN (KLINIK PANEL)

BIL	PERKARA	HARGA MAKSIMA (RM)
1.	Hepatitis B	30.00
2.	MMR (Measle, Mumpus, Rubella)	50.00
3.	Pentaxim (DPT, IPV, HiB)	150.00
4.	*Pneumococcal	250.00

*\*Tertakluk kepada garis panduan pemberian vaksin wajib kanak-kanak di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)*

**SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM**

---

**JADUAL C**  
**KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI**

BIL.	PERKARA	HARGA MINIMUM (RM)	HARGA MAKSIMUM (RM)
1.	Pemeriksaan dan nasihat doktor	5.00	20.00
2.	Ubat makan sapositori dan sapu	15.00	70.00
	Ubatan ENT & mata-krim titik & semburan	5.00	20.00
3.	Suntikan selain dari vaksin	10.00	20.00
4.	Dressing kali pertama	5.00	100.00
5.	Dressing ulangan	5.00	100.00
6.	Jahitan luka	5.00	100.00
7.	Pembedahan kecil	20.00	100.00
8.	ECG	10.00	35.00
9.	X-ray	25.00	100.00
10.	Makmal	10.00	350.00
11.	Ambulan (kecuali atas rujukan PKU)	20.00	200.00
12.	Dialisis bagi setiap rawatan (kecuali barang guna habis)	150.00	200.00
	Suntikan Eprex bagi setiap rawatan dialisis	Berdasarkan harga sebenar	
	Hemofer	Berdasarkan harga sebenar	
	Alfacalcidol	Berdasarkan harga sebenar. Bergantung preskripsi Pakar Nefrologi	
	Kalsium Karbonat (Khas untuk pesakit dialisis sahaja)	200.00	
13.	Ultrasound	60.00	
14.	IVD (Pertama kali) & IVD Line	25.00	
15.	IVD (Tambahan) / botol	20.00	
16.	Nebulizer	60.00	
17.	Tepid Sponging	10.00	
18.	Imunisasi Bayi	25.00	
19.	Perkhidmatan Fisioterapi		
	Hot pack	15.00	
	Infrared	15.00	
	Cryotherapy	20.00	
	TENS	20.00	
	Wax Therapy	20.00	
	Ultrasound	20.00	
	Interferential Theraphy (IFT)	30.00	
	Cervical/ Lumbar Traction	30.00	
	Exercise	10.00	
	Sport Tapping	55.00	
	Neurology Rehabilitation	100.00	
	Rehabilitation after operations	100.00	

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

---

### **JADUAL D** **KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN (STAF) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI**

BIL	PERKARA	HARGA (RM)
1.	Pemeriksaan & nasihat doktor	10.00-20.00
	<b>CABUTAN</b>	
	□ Gigi kekal / Supernumerari / Akar tertinggal	40.00-80.00
	□ Gigi desidus	20.00-40.00
2.	<b>PERIODONTIK</b>	
	□ Penskaleran & Penggilapan	40.00 – 80.00
	□ Penggilapan	20.00 – 40.00
	<b>PEMBEDAHAN KECIL MULUT :</b>	
3.	□ Impact tooth	200.00 – 300.00
	□ Incision & Drainage	40.00 – 60.00
	□ Operculectomy	80.00-120.00
	□ Komplikasi selepas cabutan	30.00 -50.00
4.	<b>ENDODONTIK</b>	
	□ Pulpotomy/Pulpektomi (Gigi Desidus)	60.00-100.00
	□ Rawatan Kanal Akar Gigi Anterior	200.00-400.00
	□ Rawatan Kanal Akar Gigi Posterior	450.00-600.00
5.	<b>TAMPALAN</b>	
	□ Tampalan sementara	20.00 – 30.00
	□ Tampalan tetap	30.00 – 60.00
	□ Tampalan Simple	40.00-80.00
	□ Tampalan Kompleks	50.00-100.00
6.	X-ray intra oral	10.00
	<b>GIGI PALSU SEBAHAGIAN</b>	
	□ Gigi Palsu akrilik (sebatang gigi)	200.00-250.00
	□ Tambahan setiap batang gigi	15.00 – 20.00
	□ Gigi palsu Fleksibel (sebatang gigi)	400.00 – 500.00
	□ Tambahan setiap batang gigi	20.00-30.00
7.	<b>GIGI PALSU PENUH</b>	
	□ Gigi akrilik penuh rahang atas	370.00 – 500.00
	□ Gigi akrilik penuh rahang bawah	370.00 – 500.00
	□ Gigi Fleksibel penuh rahang atas	700.00-900.00
	□ Gigi fleksibel penuh rahang bawah	700.00 -900.00
8.	Ubatan khusus dental	Panel
9.	Kos PPE	30.00 - 60.00

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

### JADUAL E KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN (PENYAKIT KRONIK) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

BIL.	PERKARA	HARGA BARU MAKSIMA (RM)
1.	Hipertensi (Darah Tinggi)	70.00
2.	Diabetes Mellitus (Kencing Manis) Oral	70.00
	Suntikan Insulin	500.00
3.	Cardiovascular Disease	70.00
4.	Hyperlipidemia (Kolestrol Tinggi)	70.00
5.	Asthma	150.00
6.	Gout	70.00
7.	Kalsium Karbonat (Khas untuk pesakit dialisis sahaja) * dikecualikan di PKU	200.00
8.	Hyperthyroid/ Hypothyroid	70.00
9.	Sinusitis	70.00
10.	Osteoarthritis	70.00

\* Terdapat beberapa peningkatan harga adalah kerana berdasarkan peningkatan harga bekalan semasa dan jangkaan dalam tempoh lima (5) tahun)

\* Kadar dan caj perkhidmatan perlu disemak setiap 3 tahun agar selari dengan kadar harga semasa

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

### JADUAL F JADUAL KLINIK PESAKIT LUAR PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI UTM JOHOR BAHRU

HARI	MINGGU AKADEMIK	CUTI SEMESTER
Ahad – Rabu	8.00 pagi – 10.00 malam	8.00 pagi – 5.00 petang
Khamis	8.00 pagi – 10.00 malam	8.00 pagi – 3.30 petang
Jumaat & Sabtu	8.30 pagi – 12.30 t/hari	8.30 pagi – 12.30 t/hari
Cuti Umum	Tutup	Tutup

*Nota : Rawatan kecemasan 24 jam*

*Talian Kecemasan 07-5530999 (samb. 30999)*

### JADUAL KLINIK PERGIGIAN (STAF) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

HARI	WAKTU	
Cuti Semester (Staf sahaja) (Ahad – Khamis)	8.00 pagi	5.00 petang / 3.30 petang (Khamis)
Sesi Pengajian (Staf sahaja) (Selasa – dengan temujanji)	2.00 petang	5.00 petang
Jumaat (Staf dan tanggungan)	8.30 pagi	12.30 tghri
Sabtu / Cuti Umum	TUTUP	TUTUP

### PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI UTM KUALA LUMPUR

HARI	MASA
Isnin – Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang
Sabtu / Ahad / Cuti Am	Tutup

### KEDIAMAN SISWA JAYA (KSJ) UTM KUALA LUMPUR

HARI	MASA
Selasa & Khamis	5.30 petang – 10.00 malam

## SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTM

### JADUAL G PENETAPAN KELAYAKAN KELAS WAD HOSPITAL KERAJAAN

KUMPULAN / GRED	KELAYAKAN WAD
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
45 – 54	Kelas 1 Bilik Seorang
31 – 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 – 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 – 20	Kelas 2

### KELAYAKAN WAD DI HOSPITAL SWASTA

KUMPULAN PERKHIDMATAN	KELAS WAD DI HOSPITAL SWASTA
Pengurusan Tertinggi	Satu bilik seorang (bilik biasa)
Pengurusan & Profesional	Satu bilik dua orang
Sokongan	Satu bilik empat orang

Bahagian Pengurusan Organisasi  
Jabatan Pendaftar  
Januari 2024